

Ruj. Kami:MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (6)

KENYATAAN AKHBAR

BIL TUNTUTAN CUKAI TAKSIRAN BAGI SETENGAH TAHUN PERTAMA 2014.

Petaling Jaya, 13 Februari - Dimaklumkan dengan ini diberitahu kepada semua pemunya-pemunya harta di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bahawa kesemua bil Kenyataan Tuntutan Cukai Taksiran bagi setengah tahun pertama 2014 telah pun dikeluarkan dan telah diposkan. Oleh itu pemunya atau pemunya-pemunya harta yang masih belum lagi menerima bil-bil cukai taksiran masing-masing adalah di minta untuk mendapatkan dari Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya.

Pemunya atau pemunya-pemunya harta diminta mengambil perhatian bahawa mengikut Seksyen 147, Akta Kerajaan Tempatan 1976, mana-mana akaun cukai taksiran yang masih belum dijelaskan pada **PENGHUJUNG FEBRUARI ATAU PENGHUJUNG OGOS** tiap-tiap tahun, maka pemunya atau pemunya-pemunya adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang itu **bersama-sama dengan apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dari masa kesemasa.**

Pemunya atau pemunya-pemunya harta juga adalah diminta mengambil perhatian bahawa kegagalan menjelaskan semua pembayaran cukai taksiran termasuk apa-apa bayaran yang ditetapkan seperti di atas dalam tempoh 15 hari selepas penghujung Februari atau Ogos mengikut sesuatu kes **akan mengakibatkan harta-harta alih mereka disita dan bayaran bagi waran tahanan (warrant of attachment fee) ialah sebanyak yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa dan adalah menjadi kos tahanan itu.**

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 13 Februari 2014.

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))